

**NO. SOALAN: 32**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN SOALAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT  
SULONG]**

**TARIKH : 6 APRIL 2017 (KHAMIS)**

**NO. RUJUKAN :**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong] minta MENTERI SUMBER  
ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah usaha FRIM ke arah  
mengekalkan status sebagai sebuah Warisan Kebangsaan dan mengapa  
FRIM berhasrat untuk mendapat pengiktirafan World Heritage Site  
memandangkan FRIM telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Kebangsaan  
pada tahun 2012.**

**Jawapan :**

Tuan Yang di-Pertua,

Pencalonan sebagai Tapak Warisan Dunia-UNESCO akan mengukuhkan lagi usaha penjenamaan FRIM sebagai tapak warisan bertaraf dunia seiring dengan status sebagai sebuah institusi penyelidikan perhutanan tropika yang terulung di dunia. Bagi merealisasikan pengiktirafan Tapak Warisan Dunia-UNESCO dan mengekalkan status sebagai Warisan Kebangsaan, FRIM telah melaksanakan perkara-perkara berikut:

- i. menubuhkan tabung dana pemuliharaan tapak warisan yang dibiayai Lembaga FRIM sejak 2015, khas bagi membiayai pelbagai program penyelidikan dan pemuliharaan;
- ii. membangunkan *blue-print* pelan pengurusan *Intergrated Conservation and Management Master Plan* sebagai dokumen rujukan usaha pemeliharaan FRIM;
- iii. menubuhkan kumpulan pengurusan khas yang terdiri daripada kakitangan FRIM, Jabatan Warisan Negara dan Kerajaan Negeri Selangor menerusi *Program Pengurusan Tapak Warisan FRIM* dan pemantauan oleh *Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Kampus FRIM* bagi memperkasakan aspek pengurusan dan perlindungan;

- iv. menggalakkan perlindungan jangka panjang ke atas aset-aset FRIM antaranya populasi pokok warisan dengan membangunkan fasiliti keselamatan seperti "*lightning arrester*" agar kadar kematian pokok akibat panahan petir dapat dielak atau dikurangkan;
- v. pembabitan kumpulan pakar rujuk bidang (*subject matter expert*) dari dalam dan luar negara agar sistem pengurusan dan pemuliharaan FRIM diperkukuh dan ditingkatkan di masa hadapan; dan
- vi. mengukuhkan jaringan kerjasama dengan pihak berkepentingan dan rakan strategik yang terdiri daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor, Jabatan Warisan Negara, Kerajaan Negeri Selangor dan komuniti tempatan menerusi beberapa sesi bengkel dan seminar sejak 2015 bagi perkongsian maklumat dan penyelidikan. Output bengkel ini akan dijadikan rujukan dalam penghasilan Pelan Induk Pembangunan Kampus Hijau Tapak Warisan FRIM dan Pelan Induk Pembangunan Komuniti Tapak Warisan FRIM.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI WANG**  
**TARIKH : 6.4.2017**  
**SOALAN : NO. 33**

**Puan Rubiah Binti Wang [Kota Samarahan]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kejayaan program keusahawanan di peringkat institusi pengajian tinggi dalam melahirkan golongan usahawan yang berjaya di kalangan lepasan universiti.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mewujudkan beberapa inisiatif bagi memastikan ekosistem keusahawanan di institusi pendidikan tinggi (IPT) sentiasa kondusif kepada para mahasiswa. Inisiatif tersebut dilaksanakan melalui program pembudayaan keusahawanan (enculture), program pengukuhan keusahawanan (empower) dan program sokongan keusahawanan (equip).

Antara program keusahawanan peringkat IPT yang telah dilaksanakan adalah program 2U2E dan Siswapreneur IPT, Program *Agropreneur*, Program *Technopreneur* dan Program *Sportspreneur* yang bertujuan untuk meningkatkan *soft skills* mahasiswa bagi melahirkan usahawan yang berjaya melalui penerapan atribut keusahawanan seperti fleksibiliti, toleransi terhadap kegagalan, berdikari, bertanggungjawab, berkeyakinan, optimistik, kreatif dan inovatif. Melalui inisiatif pelaksanaan program

keusahawanan di IPT ini, ianya telah melahirkan golongan usahawan yang berjaya di kalangan lepasan universiti dan juga mereka yang sedang belajar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2016 sebanyak 2.5 peratus daripada jumlah keseluruhan pelajar yang bergraduasi telah bekerja sendiri dan menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya selepas tamat pengajian. Malah peratusan pelajar yang menjalankan perniagaan semasa dalam pengajian telah menepati KPI yang ditetapkan iaitu sebanyak 3%. Secara purata, graduan usahawan ini berupaya menjana pendapatan sebanyak RM5,000 sebulan di samping menyediakan peluang pekerjaan kepada pelajar atau graduan IPT yang lain.